Pendermaan Sperma Menurut Perspektif Islam

Siti Zubaidah Ismail

Abstract

This article follows the case of Diane Blood in Britain who wished to conceive a child using her deceased husband's sperm which had been taken out prior to his death. Several issues are raised by the writer including that of sperm donation from the Islamic perspective. The writer concludes that scientific methods used to conceive are permissible provided that the sperm is materially of a legitimate husband.

Latar Belakang Kes

Stephen Blood menderitai penyakit meningitis dan telah berada dalam keadaan koma beberapa ketika sebelum meninggal dunia. Menurut isterinya, Diane, mereka berusaha untuk mendapatkan anak sehinggalah suaminya jatuh sakit. Semasa beliau berada dalam keadaan koma, isterinya membuat permintaan agar sperma suaminya dikeluarkan. Melalui proses *electro-ejaculation*, sebanyak 10 ampoule sperma telah dikeluarkan dan disimpanbeku oleh Yayasan Penyelidikan Kesuburan (*Infertility Research Trust*). Diane mahu mengandungkan anak hasil dari sperma tersebut melalui proses permanian beradas (*artificial insemination*) iaitu satu prosedur di mana telur wanita disenyawakan melalui suntikan sperma.

Kontroversi bermula apabila pihak berkuasa menolak permintaan beliau. *Human Fertilisation and Embryology Authority* (HFEA) enggan memberi kebenaran untuk beliau menjalani proses itu di Britain atas alasan ianya menyalahi undang-undang sekiranya dibuat tanpa izin bertulis dari si suami untuk menggunakan spermanya.

Keputusan ini dibuat berdasarkan Akta Embriologi dan Kesuburan Manusia 1990 (*Human Fertilisation and Embryology Act 1990*) (UK) di mana Jadual 3, perenggan 5 (1) memperuntukkan bahawa sperma atau telur seseorang itu tidak boleh digunakan tanpa izin terlebih dahulu daripada pemiliknya.[1]

Perenggan 1 menyebut bahawa izin (*effective consent*) mestilah diberikan secara bertulis. Diane kemudiannya membawa isu ini ke Mahkamah Tinggi. Beliau menjelaskan bahawa sperma tersebut telah dikeluarkan atas permintaannya dan memberi alasan keadaan suaminya yang koma menyebabkan perolehan izin adalah mustahil. Beliau memohon keizinan untuk menjalani rawatan kesuburan di sebuah klinik di Belgium. Malang bagi beliau kerana kesnya ditolak. Walau bagaimanapun rayuan diterima apabila Mahkamah Rayuan mengubah keputusan terdahulu dan seterusnya memberi keizinan kepada beliau menjalani proses permanian beradas di luar Britain.[2] Keputusan ini memberi tamparan hebat kepada HFEA. Ia dituduh sebagai "mencampuri urusan peribadi" (akhbar ***The Guardian***, 4 Oktober 1996) dan "satu ketidakberhasilan" (***The Times***, 18 Oktober 1996). Artikel ini bukan bertujuan untuk melihat implikasi undang-undang ekoran daripada kes ini tetapi mahu memfokuskannya kepada isu pendermaan sperma dan beberapa isu yang terlibat menurut perspektif Islam.

Pendahuluan

Kemajuan teknologi dalam bidang bio-perubatan menyaksikan pelbagai hasil yang menakjubkan bukan sahaja dalam dunia perubatan, malah dunia ilmu pengetahuan keseluruhannya. Pakar dalam pelbagai bidang ilmu berminat menunjukkan reaksi mereka dan membincangkannya menurut perspektif bidang masing-masing termasuk agama, etika, undang-undang, sosial dan pelbagai lagi. Di Barat, bermula dengan kejayaan bayi tabung uji melalui proses *in-vitro fertilisation*, yang dimulakan oleh Steptoe dan Edwards di Cambridgeshire[3] dan kelahiran Louise Brown pada tahun 1978[4] - bayi tabung uji pertama dunia - diikuti dengan kaedah "ibu tumpang", pelbagai pihak melihat banyak peluang dan jawapan untuk mengatasi masalah mendapatkan zuriat. Sebahagian daripada faktor kejayaan kesemua usaha di atas ialah sumbangan sperma yang didermakan oleh kaum lelaki yang kemudiannya dikumpul di bank pembekal sperma. Pengumpulan ini menjelaskan objektif penubuhan bank tersebut iaitu sebagai pembekal sperma kepada wanita yang memilih untuk mendapatkan anak. Bank sperma juga merupakan lanjutan kepada hak dan kebebasan wanita di Barat yang memilih untuk memperolehi anak tanpa perlu melalui proses perkahwinan. Kebebasan ini bererti seseorang wanita itu berhak menentukan bila dan bagaimana dia mahu memulakan kehamilan berdasarkan kepentingan peribadinya. Mereka berpeluang untuk "membeli" dan "memilih" sperma yang hendak dikandung berdasarkan kriteria yang disukai.

Isu Perubatan: Metod Pengambilan Sperma

Dalam kes Stephen Blood di atas (beliau berada dalam koma ketika itu), spermanya diambil melalui proses yang dinamakan *electro-ejaculation* dimana caj elektrik dikenakan kepada zakar untuk memaksa pancutan air maninya. Cara-cara lain ialah melalui onani (*masturbation*) iaitu mengeluarkan mani dengan tangan dan pancutan di luar rahim ketika persetubuhan. Namun begitu, pengambilan sperma di tahap kepekatan maksimum selalunya "hilang" menyebabkan bilangan sperma yang tinggal adalah rendah. Penggunaan kondom juga kurang berkesan kerana kondom mengandungi agen pembunuh sperma yang tertentu (*spermidical agent*). Jadi, cara yang sesuai ialah penggunaan sejenis sarung yang khusus dan juga onani.[5]

Jelas daripada penerangan di atas bahawa proses pengambilan sperma yang elektif ialah dengan cara memasukkan zakar ke dalam satu jenis sarung sebelum persetubuhan dilakukan dan juga melalui onani. Sekiranya ketiadaan sarung, proses yang tinggal ialah onani.

Perbahasan Menurut Islam

Islam amat menggalakkan kajian mengenai sains perubatan dan seterusnya mendorong umatnya memberi sumbangan dalam bidang ini.[6] Hasil dari ujikaji yang dijalankan boleh mengatasi pelbagai masalah diantaranya yang bersabit dengan reproduktiviti manusia. Islam juga amat menggalakkan umatnya mencari rawatan kesihatan melalui pelbagai kaedah - moden, tradisional, semulajadi dan sebagainya - demi menyembuhkan penyakit yang dihidapi, di samping menjaga aspek-aspek etika, moral dan kesesuaian sesuatu rawatan dengan hukum Islam. Galakan ini terdapat di dalam sebuah hadis Rasul Allah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. di mana Baginda s.a.w. bersabda:[7]

> *"Allah tidak sesekali menurunkan penyakit kecuali diturunkan penyembuhnya."*

Ertinya setiap penyakit itu ada ubatnya. Umat Islam juga mesti beriman kepada Allah dan percaya bahawasanya Dia berkuasa menyembuhkan seperti yang tercatat dalam Surah al-Syu'ara mengenai penyembuhan daripada penyakit.

> *"Dan apabila aku sakit, Dialah Yang Menyembuhkan aku".*
> (26: ayat 80)

Bagi pasangan suami isteri, kehamilan adalah satu anugerah dan rezeki daripada Allah Taala dan menurut Islam, proses kehamilan ini hanya berkemungkinan selepas berkahwin. Ia bermula apabila pasangan suami isteri itu mengadakan hubungan seks di mana proses percantuman di antara sperma suami dan telur di dalam rahim isteri berlaku. Al-Quran memperakui kepentingan sperma dalam proses kejadian manusia di mana Allah s.a.w. berfirman dalam Surah ath-Thariq:

"Maka hendaklah manusia memperhatikan dari apakah dia diciptakan? Dia diciptakan dari air yang terpancar, yang keluar dari antara tulang sulbi dan tulang dada".
(86: ayat 5-7)

Walau bagaimanapun, al-Quran menegah "benih" atau sperma ini daripada disalahgunakan, dalam ertikata, pancutannya hanyalah dibenarkan ketika melakukan persetubuhan dengan isteri yang sah atau hamba miliknya. Ini berdasarkan ayat yang menggambarkan bahawa antara sifat orang yang beriman ialah hanya melakukan hubungan jenis melalui perkahwinan sahaja:

"Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela".
(Al-Mukminun: 5-6)

Ayat di atas menjelaskan kepada kita bahawa isteri adalah wadah penyaluran benih untuk perkembangan zuriat dan si isteri pula hanyalah dibenarkan oleh syarak mengandungkan anak dari benih suaminya sahaja. Bagi suami isteri bermasalah, berkemungkinan kehamilan melalui proses tabi'e tidak dapat dicapai, sebaliknya perlu menggunakan kaedah rawatan saintifik seperti *artificial insemination* (AIH atau AID),[8] *gamete intrafallopian transfer* (GIFT)[9] atau *in-vitro fertilisation* (IVF)[10] yang kesemuanya melibatkan pengeluaran sperma dari tubuh lelaki. Persoalan yang ingin dikupas ialah:

Pertama: samada Syariah Islam menjustifikasikan penggunaan benih suami yang disimpan di dalam bank sperma untuk dikandung oleh isteri semasa hidup atau selepas kematian suaminya.

Kedua: Apakah hukum kewujudan bank sperma dan penggunaan sperma selain dari suami untuk menghamilkan seseorang wanita.

(i) Pengambilan Sperma

Perbincangan mengenai hukum pengeluaran sperma seseorang lelaki perlu dibincang dalam konteks bio-perubatan iaitu untuk tujuan mengatasi masalah reproduktiviti, bukan seksual. Untuk tujuan tersebut, hanya metod "onani" yang akan dibincangkan di dalam artikel ini dan ia perlu dibahas sebagai teknik bio-perubatan.

Onani dilakukan dengan merangsang organ seks untuk mencapai kelazatan seterusnya menyebabkan air mani keluar. Pada umumnya, onani adalah satu perbuatan yang tidak bermoral dan amat ditegah oleh Islam. Ia bukan sahaja membahayakan kesihatan individu, malah sekiranya dilakukan secara berleluasa oleh enggota masyarakat, ia boleh menjadi satu masalah sosial. Ayat daripada Surah al-Mukminun di atas memberi faham kepada kita bahawa organ seks mestilah dijaga daripada perbuatan yang tidak sunnah dan cara yang "sunnah" ialah menggunakannya kepada si isteri

sahaja. Menggunakan organ seks dengan cara lain selain daripada yang ditentukan oleh ayat di atas bererti melanggar tegahan Allah s.w.t. dan ini boleh dianggap sebagai melampaui batas yang ditetapkan sebagaimana ayat seterusnya dalam surah al-Mukminun:

> *"Barangsiapa yang mencari yang di balik itu (maksudnya zina, homoseksual dan sebagainya) maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas".*
> (Al-Mukminun: 7)

Kesemua mazhab dalam Islam mempunyai pendapat yang berlainan mengenai hukum melakukan onani. Ahli Fiqh terkenal Ibn Hazm al-Zahiri mengatakan ianya adalah makruh[11] tidak sampai menjadi satu dosa - kerana perbuatan itu tidak tergolong dalam akhlak yang mulia (*makarim al-akhlak*).[12] Mazhab Maliki berpendapat ianya haram secara mutlak berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad s.a.w. (riwayat Ibn Mas'ud):[13]

> *"Barangsiapa yang mampu untuk berkahwin, maka kahwinlah kerana itu lebih menjaga faraj dan menundukkan pandangan kamu, akan tetapi barangsiapa yang tidak mampu, maka hendaklah ia berpuasa kerana yang demikian itu dapat mengekang syahwatnya".*

Sekiranya onani dibenarkan, menurut analisa mazhab ini, sudah tentu Nabi s.a.w. mengarahkan umatnya yang tidak mampu berkahwin supaya melakukannya terutama ketika nafsu bergelora dan tidak menggalakkan mereka berpuasa. Ini kerana onani lebih senang berbanding dengan berpuasa. Ketiadaan arahan ini menunjukkan perbuatan tersebut adalah haram.

Menurut mazhab Shafi'i pula, onani adalah dilarang, tetapi ia dibenarkan sekiranya dilakukan oleh si isteri kerana seseorang suami mempunyai hak ke atas tangan isterinya sebagaimana dia berhak terhadap mana-mana anggota badannya yang lain.[14]

Mazhab Hanafi walau bagaimanapun, berpendapat hukum onani adalah pertama; wajib sekiranya si pelaku khuatir dia akan terjebak ke kancah zina berdasarkan kaedah *"Mendekati Yang Kurang Mudarat"*. Mudarat zina adalah lebih besar daripada mudarat onani. Kedua; haram jika ia dilakukan untuk merangsang hawa nafsu dan ketiga; dibenarkan (*La Ba'sa Bihi*) dalam keadaan tekanan gelora seksual amat hebat, dan si pelaku tidak mempunyai isteri. Onani dibenarkan jika ia dilakukan dengan tujuan untuk menenangkan gelora tersebut.[15]

Dr. Yusuf al-Qaradawi yang mengambil pendekaan mazhab Hanafi, menyebut bahawa Imam Ahmad Ibn Hanbal berpendapat mani adalah rembesan yang keluar dari badan. Oleh itu harus mengeluarkannya kerana ia sama seperti peluh.[16] Fuqaha' mazhab ini berpendapat hukum asalnya haram tetapi harus dalam beberapa keadaan seperti khuatir dirinya terjebak ke kancah zina, khuatir membahayakan kesihatan jika dia tidak mengeluarkan air maninya yang terkumpul sedang dia tiada isteri atau tidak mampu

untuk beristeri. Dalam keadaan tersebut, tidak menjadi sebarang kesalahan jika dia melakukan onani.[17]

Daripada bukti-bukti di atas, jelaslah kepada kita bahawa sebahagian besar ulamak berpendapat bahawa onani dalam keadaan biasa untuk mencapai keghairahan adalah dilarang sama sekali. Islam mengajar umatnya konsep sabar (menahan diri), berakhlak mulia dan malu kepada Allah walaupun ketika berseorangan. Manakala Nabi s.a.w pula menggalakkan umatnya yang tidak mampu berkahwin supaya berpuasa untuk menahan diri. Perkahwinan adalah saluran yang telah disunnahkan dan isterilah tempat untuk mencapai kenikmatan.

Daripada huraian di atas juga jelas bahawa semua pendapat ulamak muktabar itu tiada satu pun yang melangkau lebih jauh dari aspek seksual; haram jika sengaja ingin menurut nafsu, cuma dalam keadaan tertentu sahaja ianya diharuskan. Persoalannya di sini, bagaimanakah jika perbuatan onani itu dilakukan untuk tujuan perubatan, iaitu untuk mendapatkan sperma suami dan disenyawakan dengan telur isteri menurut kaedah tertentu? Memandangkan isu yang dibentangkan di sini merupakan isu yang wujud di era moden ini, maka tidak terdapat perbincangan yang spesifik di kalangan ulamak terdahulu mengenainya. Oleh itu, satu ijtihad diperlukan dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang telah dibentangkan oleh para ulamak di atas.

(ii) Objektif Pengambilan Sperma

Dalam konteks bio-perubatan, tujuan pengeluaran mani ialah untuk mengeluarkan benih suami dan mengatasi masalah mendapatkan zuriat. Ada masalah yang perlu dicapai di sini iaitu masalah menjaga nasab (*hifz al-nasab*). Walaupun onani, pada prinsip umumnya diharamkan, tetapi untuk tujuan tersebut, ia diharuskan. Dalam hal ini, kaedah fiqh ada menyebut: *al-Dharurat Tubihu al-Mahzurat* iaitu keadaan darurat boleh mengharuskan yang haram.[18] Di samping itu satu lagi kaedah yang terpakai ialah *"al-Umur bi Maqasidiha"* ertinya semua perbuatan adalah berdasarkan kepada niat.[19] Dalam konteks ini, perbuatan onani perlu diniatkan untuk mendapatkan benih demi menghasilkan zuriat. Kepentingan nasab (*hizb al-nasal*) juga termasuk dalam *daruriyat* yang lima yang mesti dijaga.[20] Sekiranya benih suami tidak dikeluarkan untuk disenyawakan - setelah cara tabi'e gagal dilakukan - bererti dia mengabaikan keturunannya. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-An'am (bermaksud):

> *"Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".*
> (6: ayat 145)

Dalam hal ini, Mahmud Shaltut ada mengeluarkan fatwa bahawa sekiranya sperma itu dengan jelas milik suami, maka ia dikira tidak bertentangan dengan syarak, tidak berdosa dan tidak dikenakan apa-apa (*la ithma wa la haraja*).[21]

Walau bagaimanapun, sekiranya sperma suami dikeluarkan dan disimpan-beku oleh tabung sperma dengan tujuan sekiranya dia meninggal dunia, benihnya akan

digunakan untuk menghamilkan isterinya, perbuatan ini dianggap bertentangan dengan ajaran Islam kerana kematian bererti putusnya hubungan perkahwinan di antara keduanya. Si isteri, selepas habis 'iddahnya, dibenarkan untuk mengahwini lelaki lain. Oleh itu, perbuatan si isteri untuk hamil dengan benih bekas suaminya juga adalah bertentangan dengan Islam.

Mengenai penggunaan sperma yang bukan milik suami, tetapi yang didermakan, Syeikh Mahmud Shaltut dalam fatwanya mencela perbuatan itu dan menyamakannya dengan zina.[22] Beliau juga berpendapat sekiranya ini dilakukan, bererti manusia sengaja menjatuhkan martabatnya kepada kedudukan haiwan dan tumbuhan[23] (yang boleh ditut dan dibiakkan sewenang-wenangnya). Jelas bahawa konsep pendermaan sperma melibatkan lelaki yang bukan suami dan ianya adalah haram di sisi Islam. Dr. Yusuf al-Qaradawi mengeluarkan pendapatnya yang Islam menjaga kepentingan nasab dan zuriat dengan mengharamkan zina. Permanian beradas adalah dilarang sekiranya penderma sperma adalah selain daripada suami.[24]

Dari sudut sosial, penggunaan sperma lelaki asing menafikan konsep keturunan baka. Perbuatan menderma sperma mencabar fahaman sosial keibubapaan (*parenthood*). Ini kerana konsep keibubapaan cuma wujud dalam perkahwinan bukannya melalui hakikat biologikal (*biological realities*). Lelaki yang mendermakan spermanya jelas sekali tidak berniat untuk menjadi seorang bapa tetapi mungkin berbuat demikian untuk mendapatkan ganjaran kewangan atau kerana dia seorang genius yaang mahu seorang genius lagi "dihasilkan" (bukan dilahirkan) tanpa dia perlu bertanggungjawab terhadap anak itu. Sememangnya dari sudut praktik, identiti penderma sperma dirahsiakan untuk mengelakkan tanggungjawab kebapaan dan juga mengelak "anak" yang dilahirkan nanti menuntut harta pusaka.[25] Akibatnya akan lahirlah anak-anak yang tidak berbapa dan tidak mempunyai apa-apa hak, yang memberontak ingin tahu siapakah bapanya dan ini sudah tentu merosakkan tumbesaran jiwanya. Pembangunan ruhaniah insan memerlukan anak itu mengenali siapakah ibu dan bapanya.

Dari sudut etika, konsep pendermaan sperma adalah bertentangan dengan moral kerana perbuatan itu bererti "memperdagangkan sperma", di mana terdapat pihak penderma (*donor*) dan pembeli (*purchaser*). Amalan ini menyamai persetubuhan luar nikah yang jelas haram di sisi Islam. Anak yang lahir dipanggil anak haram dan ini merupakan stigma yang perlu dipikul sepanjang hidupnya. Lelaki yang mendermakan spermanya adalah seorang yang tidak bermoral kerana dia merosakkan struktur masyarakat dengan menyumbang kepada bilangan anak-anak haram dalam masyarakat. Di samping itu dia juga meletakkan nilai komersial kepada "anaknya" dengan memperolehi pulangan kewangan hasil dari dermanya itu.

Kesimpulan

Di antara kesimpulan yang dapat dibuat daripada perbincangan di atas ialah:

1. Islam mengamalkan toleransi yang luas dalam menangani masalah semasa umatnya dengan syarat cara untuk mencapai matlamat atau menyelesaikan sesuatu masalah itu tidak bertentangan dengan prinsip Islam.
2. Konsep pendermaan sperma dan penggunaan sperma bukan milik suami adalah dicela kerana ia boleh dianggap sebagai perbuatan zina kerana ia dilakukan tanpa ikatan perkahwinan yang sah.
3. Kehamilan yang diingini oleh si isteri selepas suaminya meninggal dunia dengan menggunakan sperma suami yang disimpan-bekukan dalam bank sperma adalah dilarang.
4. Onani dibenarkan oleh Islam sekiranya bertujuan untuk mengambil benih suami untuk menghamilkan isteri dalam keadaan suaminya masih hidup dan ikatan perkahwinan mereka masih sah dengan syarat tiada cara lain yang memungkinkan pengeluaran sperma tersebut.
5. Penggunaan logik akal semata-mata dalam menyelesaikan masalah dalam bidang perubatan adalah dilarang. Umat Islam perlu berhati-hati dalam menghadapi isu-isu sebegini.

Nota Hujung

1. S.5(1) *"A person's gametes (sperm or eggs) must not be used for the purposes of treatment services unless there is an effective consent by that person to their being so used and they are used in accordance with the terms of the consent".*
2. R v. Human Fertilisation and Embryology Authority, *ex parte* Blood, Times Law Report, February 7, 1997. Mahkamah Rayuan membuat keputusan bahawa, dalam menolak permintaan Diane Blood, HFEA gagal mengambil kira hak beliau untuk mendapatkan rawatan kesihatan di seberang laut sebagaimana yang diizinkan di bawah Artikel 59 dan 60 EC Treaty. Lihat juga ulasan dalam *New L.J Practitioner*, Feb. 21 1997, ms. 253. Terbaru mengenai Diane Blood, beliau telahpun hamil selepas menjalani proses permanian beradas. Lihat *Utusan Malaysia* 29 Jun 1998.
3. Michael Davies (1966), *Textbook on Medical Law,* London: Blackstone Press Ltd.
4. Noel Buchanan (ed.) (1990), *Reader's Digest How It Is Done,* London: Readers Digest Association Ltd., ms. 276.
5. Michael Davies, *loc.cit.*

6. Tokoh-tokoh seperti al-Tabari, al-Razi dan Ibn Sina merupakan beberapa contoh penyumbang besar kepada dunia sains perubatan pada zaman silam. Lihat Fuad Hussain, "Muslim Contributions to the Development of Medicine", (1995) *al-Mizan,* vol. 1 Isu 2, ms. 47-54.
7. Lihat *Kitab al-Tibb* dalam Abu Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jld. 2, Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyah, ms. 8.
8. *"Artificial insemination"* atau permanian beradas ialah satu prosedur di mana spesimen sperma diletakkan di dalam satu picagari yang bersambung dengan tiub halus. Tiub ini kemudian dimasukkan ke dalam salur peranakan dan perlahan-lahan sperma tadi disuntik ke dalam uterus. Lihat Michael Davies, *supra* n. 3 ms. 216. *"AIH"* merujuk kepada permanian beradas yang menggunakan sperma suami *(Husband),* manakala *"AID"* sperma penderma *(Donor).*
9. GIFT melibatkan pindahan gamete (telur atau sperma) di antara pasangan. *Ibid.* Petikan dari www.fetilitycenter.com. mengenai GIFT: *"This procedure is an option for those with non-tubal factor infertility and is similar to IVF because it involves controlled ovarian hyperstimulation and oocyte rectrieval. With GIFT, retrieval oocyte and sperm are placed in a catherer and transferred under laparoscopic guidance into the linen of the fallopian tube."*
10. IVF ialah satu kaedah di mana telur wanita disenyawakan di luar rahim dan disuntik ke dalam uterus wanita tersebut. Michael Davies, *loc.cit.*
11. Sayyid Sabiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah,* Jld. 2, Beirut: Dar al-Kitab al-Islami, ms. 267.
12. Abdul Qadir Awdah (1985), *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*, vol. 2, Beirut: Muassasah al-Risalah, ms. 370.
13. Lihat *Kitab al-Nikah* dalam Imam Mahy al-Din ibn Syarf al-Nawawi (1994), *Sharh Sahih Muslim,* Jld. 7, Beirut: Dar al-Khair, ms. 522.
14. Abdul Qadir Awdah, *op.cit.*
15. Sayyid Sabiq, *supra* n. 11. Lihat juga Awdah, *ibid.*, ms. 369.
16. Lihat Dr. Yusuf al-Qaradawi (t.t), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam,* Kaherah: Maktabah Wahbah, ms. 166.
17. *Ibid.*
18. Jalaluddin Abdul Rahman al-Suyuti (1983), *al-Ashbah wa al-Naza'ir,* Mesir: al-Babiy al-Halabi, ms. 60.
19. *Ibid.*, ms. 8.
20. Lihat bab Maqasid al-Syariah al-Islamiyah dalam Abdul Karim Zaidan (1987), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh,* Beirut: Muassasah al-Risalah, ms. 378-385.
21. Mahmud Shaltut (1972), *al-Fatawa,* Kaherah: Dar al-Syuruq, ms. 328.
22. *Ibid.*, ms. 325.
23. *Ibid.*, ms. 328.

24. Yusuf al-Qaradawi, *supra* n. 16.
25. Belinda Bennett, "Gamete Donation, Reproduction Technology and The Law", dalam (1994) *43 Law and Medicine*, ms. 41-57. Anak yang dihasilkan dari AID dianggap bukan anak sah di sisi undang-undang. Lihat lanjut dalam Michael Davies, ms. 219-220. Lihat juga Zamani Haji Ibrahim, Artificial Insemination: Legal Problems and Implications in Malaysia (1982), *Kertas Projek Fakulti Undang-undang,* Universiti Malaya.